

# Dr M: Kerajaan tidak biarkan puak pelampau

BH 25 DEC 1984

IPOH, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kerajaan tidak akan ragu-ragu bertindak terhadap golongan pelampau yang cuba membangkitkan sentimen perkauman di kalangan rakyat.

Katanya, ada bncrapa golongan pelampau sekarang yang sengaja membakar perasaan perkauman dengan menterjemahkan segala yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai menindas kaum mereka.

Golongan ini cuba menimbulkan isu perkauman ini dengan mengadakan tunjuk perasaan dan boikot-memboikot, tambahnya.

Perdana Menteri memberi amaran, kerajaan sekarang masih mendiamkan diri tetapi jangan menyangkakan yang kesabaran kerajaan itu tidak ada hadnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis jamuan makan tengah hari meraikan lawatan beliau anjuran Umno Bahagian Kinta di sini.

## Mengambil tindakan

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ramli Ngah Talib, Ahli-Ahli Exco Negeri, ketua-ketua bahagian Umno di Perak termasuk Ketua Umno Bahagian Kinta mcrangkap Pengcrusi Eksekutif Bank Bumi-putra, Dr. Nawawi Mat Awin selaku penganjur majlis.

"Hari ini kerajaan masih berdiam diri tetapi jangan sangka tolcransi kerajaan tidak ada had.

"Kalau perbuatan menimbulkan isu perkauman ini melebihi batasnya, kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu melihat rusuhan 1969 berlaku semula tetapi jika ada perbuatan tunjuk perasaan bertujuan membakar perasaan perkauman, kerajaan akan mengambil tindakan keras dan mereka yang terbabit akan merasa pedihnya.

Beliau memberi amaran jika tindakan menunjukkan perasaan dan boikot-memboikot ini dilaksanakan ia akan membawa keburukan kepada semua.

## Mewujudkan ketenteraman

"Dan malangnya, mereka yang tidak bersalah juga akan turut merasa kepedihannya," ujarnya.

Katanya, kerajaan yang bersikap sederhana ini sedang berusaha untuk mewujudkan ketenteraman dan keamanan sehingga Malaysia sekarang menjadi contoh kepada seluruh dunia dari tolcrasinya, pembangunannya, serta aman damai penduduknya yang pelbagai bangsa dan agama.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden Umno itu membidas golongan pelampau yang seagama dengan ahli-ahli Umno yang menuduh Umno sebuah parti yang memperjuangkan bangsa.

Sambil menafikan tuduhan itu, beliau berkata, Umno memang mengutamakan bangsa Melayu tetapi ia tidak pernah membelakangkan agama.

Menurutnya, istilah bangsa bercrti ialah satu kumpulan manusia yang berkebudayaan tertentu yang melambangkan bangsa berkenaan.

"Bangsa bermakna kebudayaan dan Islam menyatakan bahawa tuhan mewujudkan kaum berpuak-puak untuk saling kenal mengenah antara satu sama lain," tambahnya.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno supaya jangan terpengaruh dengan usaha-usaha kumpulan pelampau ini yang cuba hendak menghapuskan kebudayaan Melayu, seolah-olah ia tidak secocok dengan Islam.

Katanya, memang ada ciri-ciri kebudayaan Melayu yang tidak scocok dengan Islam tetapi ini semua sudah ditolak.

Terdahulu itu, Datuk Seri Dr. Mahathir telah diberi taklimat oleh Ketua Umno Bahagian Kinta, Dr. Nawawi Mat Awin ketika beliau mengunjungi pejabat baru bahagian itu sejurus tiba di sini.

Selepas itu, Perdana Menteri merasmikan Masjid Jamek Taman Kledang Jaya di Jelapang dan menunaikan sembahyang zohor.